

Sikap dan Pencapaian Pelajar Sekolah Swasta Terhadap Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu Berbantuan Teknologi Digital

Simah Mamat, Che Aleha Ladin, Mohd Hijasri Hassim, Billy Meredan, Mashariana Casrin Frizzlin Manggang

Kata Kunci:

Kata Kunci: Sikap, Pencapaian, Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Melayu, Teknologi Digital



Download
Full PDF

Abstrak:

Pelajar pada hari ini telah banyak didegradkan dengan pelbagai teknologi moden yang serba canggih dalam pelbagai aktiviti, termasuklah aktiviti pembelajaran. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta di Kuala Lumpur dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Kajian ini juga ingin melihat perbezaan dan hubungan antara jantina dengan sikap dan pencapaian pelajar sekolah swasta dalam mempelajari Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Kaedah kajian yang digunakan adalah kaedah kajian kuantitatif melalui kaedah tinjauan menggunakan instrumen soal selidik. Kajian ini melibatkan 76 orang sampel yang telah dipilih daripada lima buah kelas di sebuah sekolah menengah swasta di Bukit Damansara, Kuala Lumpur. Dapatkan kajian menunjukkan tahap sikap pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital berada pada tahap yang sederhana. Tahap pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pembelajaran Bahasa Melayu berbantuan teknologi digital juga berada pada tahap yang sederhana. Hasil kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif yang kuat antara sikap dengan pencapaian pelajar sekolah swasta terhadap pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu berbantuan teknologi digital. Implikasi kajian adalah pembelajaran berbantuan teknologi digital memberi kesan positif kepada sikap dan pencapaian pelajar dalam pembelajaran Bahasa Melayu. Guru dan murid perlu sentiasa didegradkan dengan latihan dan kursus bagi mengintegrasikan teknologi digital secara berterusan dalam pengajaran dan pembelajaran.

Keywords:

Keywords: Attitude, Achievement, Teaching and Learning in Malay Language, Digital Technology

Abstract:

Students nowadays have been extensively exposed to a variety of sophisticated modern technologies in various activities, including in learning activities. This research studies the attitude and achievement of private school students in Kuala Lumpur, particularly in learning the Malay language with the aid of digital technology. This research also studies the differences and the relations between gender with the student's attitude and achievement in learning the Malay language with the aid of digital technology. This is a quantitative research using survey method where questionnaire was used as data collection instrument. In this research, 76 study samples were selected from five classes in a private secondary school in Bukit Damansara, Kuala Lumpur. The findings showed that the level of private school students' attitudes toward learning the Malay language with the aid of digital technology is at a medium level. The level of achievement of private school students in the learning of Malay language with the aid of digital technology is at a medium level. The findings also showed that there is a strong-positive relationship between attitude and achievement of students from private schools in the teaching and learning of Malay with the aid of digital technology. The implication of the study is that the digital technology has positively affected student attitudes and achievement in learning Malay language. Teachers and students need to be constantly exposed to training and courses to allow continuous integration of digital technology in the teaching and learning.